

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20/4/2012

131 undang-undang dibentangkan sejak Najib tadbir negara

BH 20/4/2012

Lulus 110 peruntukan, bentuk 42 akta baru, 66 pindaan sepanjang pentadbiran tiga tahun

KUALA LUMPUR: Sebanyak 131 rang undang-undang dibentangkan di Dewan Rakyat sepanjang tempoh tiga tahun Datuk Seri Najib Razak melaksanakan amanah dan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri, bermula April 2009.

Daripada jumlah itu, 110 rang undang-undang sudah diluluskan iaitu lapan untuk tempoh empat bulan pertama tahun ini, 2011 (43), 2010 (41) dan 16 lagi pada 2009.

Keseluruhannya, sebanyak 42 rang undang-undang yang membentuk akta baru diluluskan, manakala 66 lagi peruntukan yang membabitkan pindaan kepada undang-undang.

Bagaimanapun, tiga rang undang-undang ditarik balik pada 2010 iaitu Perbadanan Pembangunan Kampung Baru dan Pindaan Kerja serta Pengangkutan Jalan, manakala sebanyak 17 rang undang-undang masih di peringkat bacaan kali kedua

dan ketiga.

Antara akta yang diluluskan selepas debat panjang ialah Rang Undang-Undang Akta Keselamatan Dalam Negeri 2012 bagi menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) dan pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) bagi mengiktiraf kematangan serta hak perlembagaan mahasiswa untuk terbabit dalam politik kepartian.

Selain itu, melalui inisiatif Program Transformasi Poli-

itik (PTP) menyaksikan pembatalan tiga Proklamasi Darurat, Akta Kediaman Terhad, Akta Buang Negeri dan pengubalan Akta Perhimpunan Aman.

Baru-baru ini, Perdana Menteri memaklumkan kerajaan akan mengkaji semula Akta Hasutan selaras usaha melakukan perubahan dan pembaharuan politik serta mewujudkan ruang demokratik mencukupi untuk perbezaan pendapat dan persaingan idea menerusi inisiatif PTP.

Semalam, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Abu Seman Yusop membentangkan Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012 bertujuan menggugurkan 'kuasa mutlak' menteri dalam meluluskan atau tidak meluluskan lesen mesin cetak.

Rang undang-undang yang meminda lima subseksyen Akta 301 itu dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat.

INFO

Antara Rang Undang-Undang yang dibentangkan di Dewan Rakyat

Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Lulus)

- Menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960
- Melindungi Malaysia daripada ancaman pengganas.
- Kesalahan dikategorikan sebagai kesalahan keselamatan, iaitu keganasan terancang terhadap orang atau harta, membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong, memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan serta melakukan perubahan selain dengan cara yang sah.

Rang Undang-Undang Mesin Cetak dan Penerbitan (pindaan) 2012 (Bacaan pertama)

- Bertujuan menggugurkan "kuasa mutlak" menteri dalam meluluskan atau tidak meluluskan lesen mesin cetak.
- Memansuhkan keperluan merujuk kepada "budi bicara penuh" menteri dalam memberi atau menolak pemberian lesen mesin cetak.
- Kebenaran mencetak, menerbitkan akhbar di Malaysia atau mengeluarkan permit kepada pemilik akhbar di Singapura untuk membolehkan akhbar terbitannya diimport, dijual atau diedar di Malaysia.

Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012 (Lulus)

- Memperluaskan hak pelajar yang sebelum ini tidak dibenarkan menyertai dan menjadi ahli politik.
- Melarang pelajar membawa aktiviti politik ke kampus atau menyertai pertubuhan haram.
- Pelajar yang memegang jawatan dalam parti politik, juga boleh bertanding dalam pilihan raya kampus atau memegang jawatan dalam persatuan dan pertubuhan pelajar.

Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman 2011 (Lulus)

- Meminda tempoh untuk notis mengadakan perhimpunan kepada polis daripada 30 hari kepada 10 hari.
- Memendekkan tempoh untuk polis memaklumkan kepada penganjur daripada 48 jam kepada 24 jam.
- Memendekkan tempoh untuk penganjur membuat bantahan kepada polis ke atas notis perhimpunan daripada lima hari kepada 24 jam.
- Tempoh polis memberikan maklum balas ke atas bantahan dipendekkan daripada 12 hari kepada lima hari.
- Membolehkan polis mengenakan sekatan berhubung masa dan tempat demi keselamatan dan ketenteraman awam.
- Memendekkan tempoh rayuan yang bagi penganjur perhimpunan untuk membuat rayuan kepada menteri.

Rang Undang-Undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011 (PR1MA) (Lulus)

- Membolehkan masalah tekanan kewangan yang dihadapi rakyat berpendapatan sederhana yang tinggal di bandar dan pinggir bandar ditangani segera.
- Melengkapkan fungsi dan peranan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).
- SPNB memberikan fokus kepada pembangunan perumahan sederhana rendah manakala PR1MA menumpukan pembinaan rumah mampu milik dan berkualiti untuk golongan berpendapatan sederhana di bandar.

Rang Undang-Undang Buang Negeri (Pemansuhan) 2011 (Lulus)

- Memansuhkan Akta Buang Negeri 1959 (Akta 79) yang diguna pakai sejak 34 tahun lalu.
- Pemansuhan akta itu adalah aspirasi kerajaan ke arah pentadbiran sistem perundangan yang lebih adil dan mendukung prinsip di bawah Perlembagaan Persekutuan.
- Pemansuhan Akta Buang Negeri 1959 adalah wajar sebab ia tidak relevan dan memperkemas sistem perundangan negara.

Rang Undang-Undang Kediaman Terhad (Pemansuhan) 2011 (Lulus)

- Memansuhkan Akta Kediaman Terhad 1933 (Akta 377) kerana undang-undang itu sudah lupuk.
- Pemansuhan berlandaskan prinsip demokrasi dan keadilan serta faktor kemajuan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dan urbanisasi.

FAKTA NOMBOR

17
akta

Diperingkat bacaan kali kedua dan ketiga